

24 JUL 2000

MAHATHIR BUKA SIDANG KEMUNCIAK PERSYARIKATAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membuka Sidang Kemuncak Persyarikatan Malaysia di sini untuk membincangkan keberkesanan konsep itu dan bagaimana ia boleh diperhalusi lagi bagi membawa Malaysia ke peringkat pencapaian yang seterusnya.

Ia juga akan menjadi forum bagi sektor awam dan swasta menyalurkan pendapat dan cadangan kepada kerajaan.

Sidang kemuncak dua hari anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Unit Pemodenan Tabiran Malaysia (Mampu) itu berlangsung di sebuah hotel di sini dan meliputi pelbagai tajuk berkaitan konsep Persyarikatan Malaysia.

Upacara pembukaan itu diikuti sesi dialog antara Dr Mahathir dan kira-kira 600 peserta terdiri daripada ketua industri dan pegawai kanan kerajaan itu.

Esok para peserta akan mengadakan dialog khas dengan Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Tenaga, Komunikasi Dan Multimedia Datuk Leo Moggie dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwan Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

-- BERNAMA
AFY RYN NMO